



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

KERAJAAN MADANI SETUJU TOL PERCUMA SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN HARI DEEPAVALI TAHUN 2024

KUALA LUMPUR - Kerajaan Madani telah bersetuju untuk memberikan tol percuma pada 29 dan 30 Oktober 2024 bagi membolehkan pengguna lebuhraya berbilang kaum terutamanya masyarakat India beragama Hindu untuk menyambut perayaan Hari Deepavali 2024 dalam suasana gembira, harmoni dan saling hormat-menghormati.

2. Pemberian tol percuma ini akan dilaksanakan di kesemua lebuhraya bermula pada jam 12.01 tengah malam, 29 Oktober 2024 (Selasa) dan akan berakhir pada Jam 11.59 malam, 30 Oktober 2024 (Rabu).

3. Kos pemberian tol percuma yang dianggarkan sebanyak RM38 juta **akan ditanggung oleh Kerajaan** dengan bayaran pampasan dibuat kepada semua syarikat konsesi tol yang terlibat.

4. Pengecualian tol akan diberikan hanya kepada kenderaan Kelas 1 (kenderaan persendirian) sahaja di semua plaza tol KECUALI plaza tol di sempadan negara iaitu Tol Bangunan Sultan Iskandar (BSI) Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan Tol Tanjung Kupang, Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA) Johor Darul Takzim.

5. Pemberian tol percuma ini adalah selaras dengan teras utama Kerajaan Malaysia Madani iaitu Kesejahteraan dan Ihsan dalam membantu meringankan kos sara hidup rakyat disamping mengukuhkan budaya perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

6. Semoga pengguna lebuhraya memanfaatkan peluang ini sebaiknya dan dinasihatkan supaya merancang perjalanan dengan sewajarnya untuk melancarkan pergerakan melalui panduan berikut:

- a. Mengikut jadual waktu perjalanan atau *travel time advisory (TTA)* oleh syarikat konsesi lebuhraya;
- b. Memastikan kenderaan dalam keadaan baik;
- c. Memastikan baki *eWallet* dan Kad *Touch & Go* mencukupi;
- d. Memastikan bateri *smart-tag* yang mencukupi;
- e. Menggunakan pautan paparan CCTV Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) <https://www.llm.gov.my> mengenai keadaan lebuhraya sebagai panduan sebelum dan semasa perjalanan;
- f. Menghubungi Pusat Pengurusan Trafik LLM di talian 1-800-88-7752 untuk mendapatkan maklumat terkini keadaan trafik atau bantuan semasa di lebuhraya; dan
- g. Menyemak status trafik atau sebarang insiden di lebuhraya yang akan dikemaskini di media sosial rasmi Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) iaitu di Facebook Lembaga Lebuhraya Malaysia atau di aplikasi X @LLMtrafik secara berkala

7. Saya mewakili Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan semua Syarikat Konsesi Lebuhraya memohon supaya semua pengguna jalan raya memandu dengan berhemah mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan. Berehatlah jika keletihan dan mengantuk. Bersama-samalah kita semua bekerjasama dalam menjadikan lebuhraya kita selamat, bersih dan selesa serta mengurangkan statistik kemalangan jalan raya Malaysia.

Selamat Menyambut Perayaan Deepavali

Iniya Deepavali Nal Valthukal

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

MENTERI KERJA RAYA

28 OKTOBER 2024